

PERUTUSAN PENGERUSI

CHAIRMAN'S STATEMENT



BAGI PIHAK LEMBAGA SAYA DENGAN SUKACITANYA MEMBENTANGKAN LAPORAN TAHUNAN KWSP BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006.

TAHUN INI MERUPAKAN TAHUN YANG SANGAT BERMAKNA BAGI KWSP KERANA IA BERJAYA MELAKSANAKAN BEBERAPA INISIATIF KE ARAH MEMENUHI VISINYA UNTUK MENJADI SEBUAH ORGANISASI KESELAMATAN SOSIAL YANG TERKEMUKA DI DUNIA DAN AGENSI KERAJAAN YANG TERBAIK DI MALAYSIA. ANTARA INISIATIF UTAMA YANG DILAKSANAKAN PADA TAHUN INI TERMASUKLAH PENGGANTIAN SISTEM TERAS IT, PENGURUSAN PRESTASI MENGGUNAKAN *BALANCED SCORECARD*, PENGURUSAN RISIKO DAN PENGURUSAN ILMU.

ON BEHALF OF THE BOARD, I AM PLEASED TO PRESENT THE ANNUAL REPORT OF THE FUND FOR THE FINANCIAL YEAR ENDING 31 DECEMBER 2006.

THE YEAR HAS BEEN PARTICULARLY SIGNIFICANT FOR THE EPF, HAVING IMPLEMENTED SEVERAL INITIATIVES TO FULFILL ITS VISION TO BECOME A WORLD – CLASS SOCIAL SECURITY ORGANISATION AND THE BEST GOVERNMENT AGENCY IN MALAYSIA. NOTABLE KEY INITIATIVES IMPLEMENTED DURING THE YEAR INCLUDE THE IT CORE SYSTEM REPLACEMENT, PERFORMANCE MANAGEMENT THROUGH BALANCED SCORECARD, ENTERPRISE WIDE RISK MANAGEMENT AND KNOWLEDGE MANAGEMENT.

TAN SRI SAMSUDIN OSMAN

Pengerusi/Chairman



PENINGKATAN KEBERKESANAN ORGANISASI

Program transformasi secara besar-besaran yang berfokuskan kepada kualiti perkhidmatan pelanggan, telah mula menunjukkan hasilnya pada tahun ini sejak ia dimulakan tiga tahun yang lalu. Transformasi ini telah menghasilkan peningkatan yang ketara dalam kualiti perkhidmatan pelanggan. Ini terbukti apabila KWSP telah menerima pelbagai anugerah pada tahun ini iaitu Anugerah Kualiti Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Anugerah Laporan Kencana dan Anugerah Perkhidmatan Kaunter Berkualiti Peringkat Negeri Selangor.

PRESTASI PELABURAN

Pertumbuhan ekonomi yang kukuh pada tahun 2006 dan prestasi pasaran saham yang memberangsangkan terutama sekali pada pertengahan kedua tahun ini telah memberi kesan positif terhadap prestasi pelaburan KWSP. Aset KWSP telah bertambah kepada RM290.26 bilion pada akhir tahun 2006 berbanding dengan RM263.81 bilion pada akhir tahun sebelumnya. Pendapatan pelaburan bersih KWSP telah meningkat sebanyak 0.76 peratus kepada RM13.30 bilion berbanding dengan RM13.20 bilion pada tahun 2005. Ini membolehkan KWSP mengisytiharkan kadar dividen 5.15 peratus pada tahun 2006. Bagi menghadapi cabaran aset KWSP yang semakin meningkat, KWSP telah mempelbagaikan pelaburannya supaya dapat menghasilkan pulangan yang lebih tinggi dalam jangka masa yang panjang. Sebagai langkah permulaan strategi ini, KWSP telah menerima kelulusan kerajaan untuk melabur di luar negara. Berikutan ini sebahagian daripada dana KWSP telah disalurkan kepada pengurus dana luaran bagi tujuan pelaburan di rantau Asia Pasifik (tidak termasuk Jepun).

TADBIR URUS KORPORAT

Lembaga Pengarah KWSP sentiasa berpegang teguh kepada amalan terbaik tadbir urus korporat bagi melindungi pemegang kepentingan iaitu ahli, majikan dan kerajaan. Lembaga mengakui bahawa adalah perlu untuk mengadakan rangka kerja pengurusan risiko pelaburan yang menyeluruh. Sehubungan dengan itu, pada tahun ini Lembaga telah menyempurnakan pelaksanaan rangka kerja pelaburan yang merangkumi struktur tadbir urus risiko, pengurusan risiko dan kaedah risiko peruntukan modal. Selain itu, Lembaga juga telah menunaikan tanggungjawab sosial korporatnya dengan menawarkan biasiswa kepada tiga orang pelajar terbaik untuk melanjutkan pelajaran di luar negara dan menyediakan pekerjaan sementara kepada lebih kurang 200 graduan yang menganggur.

PROSPEK MASA DEPAN

KWSP akan terus menjadi sumber pendapatan persaraan yang penting bagi ahli-ahlinya. Oleh itu bagi terus memainkan peranannya, KWSP perlu memahami perubahan gaya hidup yang dialami oleh ahli-ahlinya dan implikasinya terhadap persaraan mereka.

Dalam hal ini, Lembaga Pengarah KWSP telah mengadakan lawatan ke institusi-institusi keselamatan sosial di United Kingdom dan Switzerland pada tahun ini untuk mempelajari dan mendapat pendedahan mengenai sistem keselamatan sosial yang berbeza dengan KWSP. Seterusnya melalui pendedahan ini KWSP akan menjadi lebih baik dalam aspek pengurusan polisi dan dapat memberikan kerajaan input yang bernas dalam hal-hal berkaitan dengan persaraan. Selain

ENHANCING ORGANISATIONAL EFFECTIVENESS

A major transformation effort focusing primarily on quality customer service that started three years ago had begun to show result in 2006. This resulted in a marked improvement in customer service as evidenced by several awards received by the Fund during the year, namely, the Ministry of Finance Secretary General's Quality Award, the Kencana Award for Annual Report and the Selangor State Quality Counter Service Award.

INVESTMENT PERFORMANCE

The healthy economic growth registered in 2006 and the buoyant stock market, especially in the second half of the year had a positive impact on EPF investment performance. Its assets increased to RM290.26 billion at the end of 2006 compared to RM263.81 billion as at end of 2005. Its net investment income grew by 0.76 percent to RM13.30 billion compared to RM13.20 billion in 2005, enabling a higher dividend of 5.15 percent to be declared for 2006. To meet the challenge of a growing asset size, the EPF had diversified its investment in areas that could offer potentially higher returns in the longer term. As part of the diversification strategy, the EPF has obtained approval to invest overseas. Part of the funds has been channeled to external fund managers to be invested in the Asia Pacific region (excluding Japan).

CORPORATE GOVERNANCE

The Board of Directors have always upheld the highest standards of corporate governance to safeguard the interest of all stakeholders, which includes, the members, employers, and government. The Board recognised the need for a more comprehensive investment risk management framework. During the year, the Board had completed the implementation of the investment risk framework, which includes, a risk governance structure, risk measurement and risk capital allocation methodologies. Beside this, the Board had also assumed its corporate social responsibility by extending scholarships to three outstanding students for overseas education and provided temporary employment to about 200 unemployed graduates.

FUTURE PROSPECT

The EPF will continue to be an important source of retirement income for its members and therefore to remain relevant the EPF must keep abreast with life style changes of its members.

In this context, during the year the Board had visited social security organisations in the United Kingdom and Switzerland to expose the Board Members on different social security systems. This will put the EPF in a better position on policy management and to provide new inputs to the government on matters related to retirement issues. Beside this, EPF will continue to work closely with the International Social Security Association (ISSA) and the ASEAN Social Security Association (ASSA) and local institutions of higher learning that will enable EPF to be in a better position to provide advisory services to members and the government.



itu, KWSP akan terus merapatkan hubungannya dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial ASEAN (ASSA) serta institusi-institusi pengajian tinggi tempatan bagi membolehkan KWSP mengemas kini pengetahuannya untuk memberikan khidmat nasihat yang lebih baik kepada ahli dan kerajaan.

Seterusnya berhubung dengan pelaburan pula, dana KWSP yang semakin bertambah akan terus menjadi cabaran utama kepada KWSP. Bagaimanapun dengan adanya kemahiran pelaburan yang baru di dalam organisasi, KWSP dapat mengurus dananya dengan lebih cekap bagi memperoleh pulangan pelaburan yang berpatutan bagi simpanan ahli.

Akhir sekali, dengan transformasi yang telah dimulakan sejak dua tahun dahulu KWSP mampu memberikan perkhidmatan baru yang berfokuskan pelanggan serta meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan yang diberikan.

PENGHARGAAN

Saya, bagi pihak Lembaga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Y.Bhg Tan Sri Abdul Halim bin Ali mantan Pengerusi Lembaga yang telah memberi sumbangan yang begitu bermakna kepada KWSP sebagai Pengerusi selama lima tahun dari 2001 hingga 2006. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan, Pengurusan dan Anggota KWSP serta agensi-agensi Kerajaan terutamanya Kementerian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang telah memberi sumbangan dan kerjasama sepanjang tahun ini.

Penghargaan yang khusus juga ingin saya sampaikan kepada Ahli Lembaga yang telah tamat tempoh keahlian mereka pada tahun 2006. Mereka adalah Ahli Lembaga Y.Bhg. Datuk Dr. P. Manogran, En. Azmi Mohd Sani, Y.Bhg. Datuk Abdul Wahab Mulajat, Y.B. Datuk Amar Hj. Abdul Aziz Hj. Husain, Y.Bhg. Datu Abdul Ghafur Shariff dan Y.Bhg. Dato' Nordin Abdul Hamid. Sementara itu, saya juga ingin mengalu-alukan pelantikan Ahli Lembaga yang baru. Mereka adalah Ahli Lembaga Y.Bhg. Dato' Thomas George a/l M. S. George, En. Mohd Azman Abdul Mubin, Y.Bhg. Datuk Ab. Khalil Ab. Hamid dan En. Ahmad Shah Mohd Zin.

On the investment front, the increasing fund size most certainly will continue to be a big challenge to the EPF. Nevertheless, with the new investment skills brought into the organisation, the EPF will be able to manage its funds better to get reasonable return on members' savings.

Lastly, with the transformation efforts, which were undertaken two years ago, the EPF will be able to provide new and improved customer - centric services to its members.

WORDS OF APPRECIATION

On behalf of the Board, I would like to extend my utmost appreciation to my predecessor Y.Bhg Tan Sri Abdul Halim Bin Ali, for his significant contribution in the last five years as Chairman of the EPF Board from 2001 – 2006. I also would like to extend my utmost appreciation to Members of the Board and Investment Panel, the EPF Management and staff as well as government agencies, in particular, the Ministry of Finance, Ministry of Internal Affairs and the Companies Commission of Malaysia for their contribution and cooperation throughout the year.

I would like to thank, in particular, Y.Bhg. Datuk Dr. P. Manogran, Mr. Azmi Mohd Sani, Y.Bhg. Datuk Abdul Wahab Mulajat, Y.B. Datuk Amar Hj. Abdul Aziz Hj. Husain, Y.Bhg. Datu Abdul Ghafur Shariff and Y.Bhg. Dato' Nordin Abdul Hamid who have completed their term as Board Members during the year. I would also like to welcome, Y.Bhg. Dato' Thomas George a/l M. S. George, Mr. Mohd Azman Abdul Mubin, Y.Bhg. Datuk Ab. Khalil Ab. Hamid and Mr. Ahmad Shah Mohd Zin who have been newly appointed to the Board.

TAN SRI SAMSUDIN OSMAN

Pengerusi / Chairman
28 April 2007